

LAMPIRAN A

**SENARAI SEMAK  
(BEKALAN / PERKHIDMATAN / KERJA)**

Tandakan (√) bagi Dokumen-Dokumen Yang Disertakan  
(perkara/dokumen di bawah adalah wajib disertakan)

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebutharga
1.	Reban Sediada (Tertutup)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Salinan Lesen Ladang Unggas i. Gred B ke atas sahaja ii. Kapasiti reban sediada	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
3.	Salinan Kad Pengenalan - Individu / Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM) - Syarikat	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	<b>Profail Syarikat (perlu sertakan)</b> i. Carta Organisasi ii. Pengalaman iii. Laporan prestasi ladang terkini bagi 6 pusingan pemeliharaan ayam iv. Senarai pekerja sediada mengikut kategori professional, mahir, separa mahir dan tidak mahir dan perakuan berkaitan v. Senarai kenderaan, jentera dan peralatan yang dimiliki syarikat yang boleh dimobilisasi vi. Surat / Pengesahan dari pihak berkepentingan dalam industri seperti intergrator, bank dan lain-lain sokongan	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
5.	Borang Tawaran Sebutharga Telah Diisi Dengan Lengkap dan Ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank (3) Tiga Bulan Terkini	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Resit Bayaran	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

<b>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT/ INDIVIDU</b>	<b>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</b>
<p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p>	<p>Jawatankuasa sebutharga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... <i>(jika ada)</i></p>
<p>Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh : No. telefon :</p>	<p>Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :</p>
	<p>Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :</p>

**ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA**

**1. HAK KERAJAAN UNTUK PENERIMA / MENOLAK SEBUTHARGA**

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang tertinggi atau mana-mana Sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

**2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

**2.1. Penyediaan Sebut Harga**

Penyebut harga adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:

- a. Harga dan tandatangan Penyebut harga di Ringkasan / Borang Tawaran Sebutharga;
- b. Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Tawaran Sebutharga;
- c. Jadual Kadar Harga (Jika Ada), dan
- d. Butir-butir Spesifikasi (Jika Ada)

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas, Penyebut harga hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

**2.2. Penyerahan Dokumen Sebut Harga**

- a. Dokumen Sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dihantar sama ada melalui serahan tangan, ~~faksimili atau e-mail~~ ke Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor pada tarikh dan masa yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga.

**(Pada 29 Julai 2021 (Khamis) Sebelum Jam 12.00 Tengah Hari)**

- b. Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

**2.3. Penjelasan Lanjut**

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut harga yang tidak jelas atau bercanggah, Penyebut harga boleh menghubungi Pejabat ini untuk penjelasan lanjut.

**3. TEMPOH SIAP KERJA \***

~~Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi minggu selepas penerimaan Pesanan Tempatan.~~

**4. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA**

Semua perbelanjaan bagi penyediaan Sebutharga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebut harga sendiri.

## 5. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebutharga ini sah selama (90) hari dari tarikh tutup Sebutharga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik Sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik Sebut harganya sebelum tamat tempoh sah Sebutharga.

## 6. PERINGATAN MENGENAI RASUAH

Selaras dengan usaha Kerajaan untuk mencegah dan membendung perlakuan rasuah, berikut disenaraikan peringatan mengenai kesalahan rasuah;

- 6.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 697).
- 6.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pertadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 697).
- 6.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenarai hitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 697).
- 6.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 697).

**SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebutharga.

**1. KEADAAN BARANG**

~~Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.~~

**2. HARGA**

~~Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk kos Penghantaran, semua diskaun dan kos tambahan dengan mengambilkira lokasi penghantaran.~~

**3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**

Sebut harga tidak boleh ditawarkan bagi sebahagian bilangan item.

**4. BARANG-BARANG SETARA**

~~Sebut harga tidak boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai selain dari apa-apa yang telah dinyatakan dalam spesifikasi barangan dengan syarat butir-butir penuh diberi.~~

**5. PERSETUJUAN**

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang tertinggi atau mana-mana sebutharga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai suatu sebut harga secara keseluruhan.

**6. PEMERIKSAAN**

- (i) ~~Kerajaan sentiasa berhak menghendaki bekalan itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pemilihan hingga penyerahan bekalan tersebut; dan~~
- (ii) Penyebutharga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

**7. PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI**

Penyebutharga dikehendaki memperakui bahawa ~~bekalan~~ / perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

**8. PENOLAKAN**

- (i) ~~Bekalan yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harga, boleh ditolak;~~
- (ii) ~~Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan bekalan yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan~~
- (iii) ~~Fasal kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kemungkiran kontrak.~~

**9. PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

**10. TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

**11. INSURANS**

~~Apa-apa insurans atas bekalan dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan kedalam sebut harga.~~

**~~BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA~~**

**12. CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

**~~BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA~~**

~~Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.~~

**13. PENGENALAN**

~~Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor catalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.~~

**14. MATA WANG**

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

**15. PEMBUNGKUSAN**

- (i) ~~Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak dibungkus;~~
- (ii) ~~Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan~~
- (iii) ~~Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.~~

**16. TARIKH AKHIR PENYERAHAN BEKALAN**

~~Semua bekalan hendaklah diserahkan dengan sempurna kepada penerima dalam tempoh yang ditetapkan oleh pegawai projek dari tarikh pesanan tempatan.~~

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

No. Sebutharga: JPV.SEL.BKP(S).400-10/2/99

Bagi

**SEBUTHARGA SEWA PAJAK DUA BUAH REBAN AYAM PEDAGING SISTEM TERTUTUP DUA TINGKAT A:01 & A:02 MILIK KERAJAAN NEGERI SELANGOR DI PLOT SB 4A, TKPM SUNGAI BLANKAN, KG ULU CHUCHOH, SEPANG JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SELANGOR TAHUN 2021.**

Saya ,..... nombor K.P.....yang mewakili (.....) nombor Pendaftaran (.....)

dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana - mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana - mana individu dalam **Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor** atau mana - mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana - mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebutharga di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi sebutharga di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas, maka saya berjanji akan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama:

No Kad Pengenalan:

Cop Syarikat:

No. Telefon:

Catatan :



**DATA-DATA KEWANGAN**

No. Sebutharga: JPV.SEL.BKP(S).400-10/2/99

A. **Ringkasan Harta dan Liabiliti** seperti yang ditunjukkan dalam Lembaran imbangan (Balance Sheet)\* yang diaudit bagi tahun kewangan terakhir.

<b>Asset* (A)</b>	<b>Liabiliti* (B)</b>	<b>Nilai Kewangan (Worth) (A-B)</b>
Semasa: RM	Semasa: RM	Modal Pusingan : RM
Tetap: RM	Tetap: RM	Modal Tetap: RM
Jumlah : RM	Jumlah : RM	'Net Worth' RM

B. **Akaun Wang ditangan (Cash in Hand)\*\***

1. Nama dan Alamat Bank di mana akaun dibuka:

.....  
 .....

2. Nombor Akaun: .....

C **Kemudahan Kredit (jika ada)**

1. Nama dan Alamat Bank/Institusi Kewangan yang memberi Kemudahan Kredit:

.....  
 .....

2. Bentuk dan baki amaun yang boleh digunakan untuk projek pembinaan.

- i. Overdraf atau Talian Kredit :RM
- ii. Overdraf bercagar :RM
- iii. Pinjaman Tetap yang akan/layak  
Diperolehi untuk projek :RM
- iv. ....:RM\_\_\_\_\_

**JUMLAH** :RM\_\_\_\_\_

**Peringatan penting**

\* Sila sertakan salinan Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup sebut harga dan hendaklah **DIAKUI SAH** oleh pegawai bank berkenaan. Dokumen sebut harga yang tidak disertakan dengan penyata ini akan ditolak.